

Lanjutkan tempoh skim kawalan harga

Oleh AFIQ SYAHMI MOHD. SHAH
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 14 JULAI

KERAJAAN digesa mengkaji semula dan melanjutkan tempoh Skim Kawalan Harga Musim Perayaan bersempena Aidilfitri yang berakhir pada hari raya pertama Rabu lepas ekoran permintaan barang mentah terutamanya ayam segar masih tinggi selepas berakhirnya skim kawalan tersebut.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd. Yusof Abdul Rahman berkata, walau-pun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) memanjangkan tempoh skim tersebut kepada 21 hari berbanding




Isu harga ayam meningkat naik selepas Aidilfitri tidak sepatutnya berlaku sekiranya KPDNKK menetapkan tempoh skim kawalan harga tersebut bermula seminggu sebelum dan selepas Aidilfitri.”

MOHD. YUSOF ABDUL RAHMAN
Timbalan Presiden FOMCA

hanya 17 hari pada tahun lalu, namun tempoh tersebut tidak mencukupi malah perlu dilanjutkan kerana skim kawalan harga bermula pada waktu yang disifatkan sebagai tidak sesuai.

Katanya, isu harga ayam me-



ningkat naik selepas Aidilfitri tidak sepatutnya berlaku sekiranya KPDNKK menetapkan tempoh skim kawalan harga tersebut bermula seminggu sebelum dan selepas Aidilfitri.

“Pelaksanaan Skim Kawalan Har-

ga Aidilfitri 2016 yang bermula lebih awal sebenarnya tidak kena pada waktu kerana permintaan untuk barang mentah seperti ayam pada waktu itu agak kurang berbanding pada penghujung bulan Ramadan sehingga awal bulan Syawal.

“Oleh itu, KPDNKK seharusnya mengkaji semula dan memikirkan mekanisme baharu dalam menetapkan tempoh Skim Kawalan Harga Musim Perayaan ini supaya tiada lagi pihak tidak bertanggungjawab terutamanya pemborong dan peniaga ayam yang sesuka hati menaikkan harga selepas berakhirnya skim berkenaan,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas kenaikan harga ayam melampau sehingga mencecah RM30 seekor sejak umat Islam menyambut Aidilfitri Rabu lalu apabila berakhirnya

Skim Kawalan Harga Musim Perayaan bersempena Aidilfitri yang berakhir pada hari yang sama.

Dalam pada itu, Yusof menambah, pemantauan yang dilakukan oleh KPDNKK seharusnya dilakukan secara menyeluruh daripada peringkat pemborong lagi, bukan hanya kepada peruncit atau peniaga sahaja.

“Tidak adil sekiranya KPDNKK hanya mengenakan tindakan kepada peruncit atau peniaga semata-mata tanpa membuat pemantauan kepada pemborong kerana peruncit hanya mengenakan harga yang tinggi disebabkan sikap tamak pemborong ayam tersebut yang menjual dengan kadar yang tinggi kepada mereka,” katanya.